

04/06/2001

Masalah persempadanan di Bukit Jeli boleh diselesai

KOTA BHARU, Ahad - Kebuntuan mencari kata sepakat mengenai persempadanan Malaysia-Thailand di Bukit Jeli, Kelantan, boleh diselesaikan jika kedua-dua kerajaan meletakkan kepentingan terhadap perhubungan antara negara.

Justeru, Malaysia menaruh harapan untuk melihat masalah persempadanan Bukit Jeli yang menjadi pertikaian selama ini dapat diselesaikan segera.

Ketua Setiausaha Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Nik Mohd Zain Nik Yusof, berkata isu itu sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu tetapi sehingga kini belum mencapai kata sepakat.

Bagaimanapun, katanya, ketika lawatan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, ke Malaysia baru-baru ini, beliau turut membincangkan perkara itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sebenarnya, kedudukan sempadan di kawasan seluas 42.5 hektar itu sudah diukur pasukan pengukur British mengikut Perjanjian British pada 1909 yang sekali gus mewakili Malaysia (Malaya ketika itu) dan Thailand.

"Isu sempadan di Bukit Jeli belum selesai hingga kini kerana kedudukan batu penanda sempadan yang ditanam pasukan pengukur British gagal dijumpai dan kalau pun ditemui, mungkin tidak berada di tempat sepatutnya.

"Kita (Malaysia) kata batu sempadan duduk di sekian tempat tapi pihak Thailand kata sebaliknya, jadi inilah yang dipertikaikan dan perbincangan mengenainya sudah berlarutan selama 10 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian selepas merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan kelapan di sini, hari ini.

Awal bulan lalu, mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand ke-41 di Kuala Lumpur yang dipengerusikan bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tan Sri Jeneral Chavalit Yongchaiyudh, setuju menyelesaikan isu persempadanan itu.

Selain itu, kedua-dua negara turut bersetuju membanteras masalah bersama di sempadan, terutama kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang tanpa izin.

Ketika ini, kedua-dua negara belum mencapai kata sepakat dari segi persempadanan di kawasan seluas 42.5 hektar di Bukit Jeli manakala pengukuran dan penandaan sempadan secara fizikal di sepanjang Sungai Golok sedang dilaksanakan.

Mesyuarat itu juga bersetuju supaya masalah persempadanan di Bukit Jeli diselesaikan sebelum persidangan GBC ke-42 di Thailand, tahun depan.

(END)